

Pelajar USIM prihatin OKU

Seremban: Prihatin dengan nasib golongan kurang bernasib baik, terutama orang kelainan upaya (OKU), Kelab Enactus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengadakan program khidmat komuniti kepada golongan itu.

Seramai 20 ahli kelab berkenaan daripada pelbagai jurusan, mendekati kanak-kanak dan remaja OKU di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di Senawang, di sini, dan menyumbang sebuah mesin 'popcorn' berharga RM1,200 untuk menjana pendapatan.

Dekatkan pelajar dengan masyarakat

Penyelaras Enactus USIM, Dr Mohamad Yazis Ali Basah, berkata kelab Enactus adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di bawah Kementerian Pelajaran bertujuan mendekatkan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kepada masyarakat menerusi pelbagai aktiviti.

Katanya, fokus Kelab Enactus USIM ialah membantu badan dan pertubuhan kebajikan di negeri ini, dari segi memberi idea, tenaga dan kepakaran tertentu untuk mereka berdikari serta menjana pendapatan sendiri.

"Ini adalah PDK keempat



Pengarah JKM Negeri Sembilan, Abdullah Hanapi (kiri) **meneliti mesin popcorn** sumbangan Kelab Enactus USIM, sambil disaksikan Wan Aziz (dua dari kanan) dan Dr Mohamad Yazis (kanan) di PDK Senawang.

“*Fokus Kelab Enactus USIM ialah membantu badan dan pertubuhan kebajikan di negeri ini, dari segi memberi idea, tenaga dan kepakaran untuk mereka berdikari”***”**

Mohamad Yazis Ali Basah,
Penyelaras Enactus USIM

yang dibantu kami di negeri ini yang menempatkan seramai 67 kanak-kanak dan remaja OKU yang memerlukan pembelaan.

Bangga dapat membantu
“Walaupun PDK ini mendapat bantuan dan sokongan kerajaan terutama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kami berbangga dapat membantu pusat ini membolehkan jawatankuasa PDK menggerakkan aktiviti yang mampu menjana pendapatan,” katanya selepas majlis penyerahan mesin 'popcorn' kepada Pengerusi PDK Senawang, Wan Aziz Wan Abdullah.